



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
20 November 2025



KOSMO! KHAMIS 20 NOVEMBER 2025

Sistem kerja gagal, pekerja berdentam

DI sebalik kemajuan ekonomi dan peningkatan standard pekerjaan, masih ramai majikan di negara ini gagal menjaga kebajikan pekerja, sekali gus membuka ruang kepada eksploitasi berterusan.

Pengabaian itu bukan sahaja melibatkan isu gaji tidak setimpal, malah turut merangkumi perlindungan sosial, keselamatan serta kesejahteraan mental yang menjadi hak asas setiap pekerja.

Walaupun undang-undang buruh semakin kukuh, masih wujud majikan yang memerah keringat pekerja tanpa mematuhi hak minimum yang telah ditetapkan.

Dalam satu operasi Op Kurier di Pulau Indah, Klang awal bulan ini, seorang pekerja mendedahkan bahawa dia hanya menerima RM120 sehari berbanding tawaran RM200 seperti yang diiklankan.

Katanya, meskipun 'hilang' RM80 setiap hari, dia terpaksa bertahan kerana mencari rezeki dan sudah bekerja lebih setahun di premis itu.

Hasil pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mendapati pelbagai kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265), termasuk waktu kerja melebihi 45 jam seminggu, bayaran kerja lebih masa yang tidak mencukupi serta ketiadaan penyata gaji dan kontrak perkhidmatan.



Analisis Semasa

Bersama
**MOHD. YUNUS
YAKKUB**

Perkeso pula membuka siasatan susulan kegagalan caruman melibatkan pekerja sambilan vendor luar.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad yang menyertai operasi itu menegaskan, majikan tidak boleh terus mengambil kesempatan ke atas golongan bawahan.

"Mereka keluaran titik peluh, kamu dapat untung banyak, jangan tindas orang bawahan. Mereka ada isteri dan anak. Jangan ada penindasan di negara ini," tegasnya.

Jelasnya, sebanyak 490 kertas siasatan dibuka JTKSM dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, dengan 353 kes mendapat izin mendakwa melibatkan denda RM138,000, manakala 501 kompaun bernilai RM2.87 juta turut dikeluarkan.

Seiring peningkatan kes sedemikian, kesedaran pekerja mengenai hak mereka perlu diperkukuh termasuk mengenal pasti bentuk tekanan halus yang boleh membawa kepada cubaan memaksa pekerja berhenti.

Menurut Peguam Hanafi

Hawari, tindakan seperti menaikkan petunjuk prestasi utama (KPI), mengubah skop tugas atau menukar jawatan tanpa persetujuan boleh dianggap sebagai pemecatan konstruktif.

"Ini berlaku apabila majikan sengaja mewujudkan suasana kerja tidak adil sehingga pekerja tidak boleh meneruskan kerjaya sebelum meletakkan jawatan. Pekerja berhak membuat aduan di Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP)," katanya menerusi perkongsian di media sosialnya.

Beliau menegaskan, sekiranya terbukti bertujuan menyingkirkan seseorang secara langsung atau tidak langsung, pekerja layak mendapat pampasan dan ganti rugi.

Hanafi turut menasihatkan pekerja mendokumentasikan semua perubahan berkaitan jawatan, KPI, e-mel arahan dan tugas sebagai bukti kukuh sekiranya kes dibawa ke mahkamah atau JPP.

"Jangan biarkan diri ditindas dan hak dirampas. Pekerja berhak mendapat pembelaan," tegasnya.

Bagi penulis, semuanya melibatkan kepada layanan terhadap pekerja. Sekiranya ekosistem itu tidak adil atau 'pilih bulu' hanya melahirkan tenaga kerja yang letih, tidak produktif serta berdentam pada sistem kerja itu.



ABDUL RAHMAN (dua kiri) ketika melakukan tinjauan di tapak runtuh struktur sementara binaan projek ECRL di Kuala Lumpur semalam.

Skylift punca runtuh struktur sementara besi ECRL

GOMBAK – Insiden runtuh struktur sementara steel canopy di tapak projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) dipercayai berpunca daripada pelanggaran jentera skylift semasa kerja pemeriksaan ketebalan cat.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, perkara berkenaan diperoleh hasil siasatan awal oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Jelasnya, tindakan tegas termasuk mengeluarkan notis larangan bekerja telah dilakukan terhadap kontraktor yang terlibat.

“Kita nak adil kepada semua pihak. Sebab itu kita henti-

kan kerja terlebih dahulu dan mengeluarkan notis larangan bekerja kepada kontraktor utama.

“Banyak siasatan perlu dibuat sebelum kita boleh pastikan punca sebenar,” katanya ketika meninjau lokasi kejadian.

Katanya, maklumat awal yang diperolehi juga menunjukkan kemungkinan insiden berkenaan berkait dengan pergerakan jentera skylift.

Kelmarin seorang pemandu kereta berdepan detik cemas apabila kenderaan dinaikinya dihempap runtuh struktur sementara binaan ECRL di MRR2.

Mangsa dilaporkan tidak mengalami sebarang kecederaan serius.

Skylift langgar struktur punca runtuhan di tapak ECRL

Kuala Lumpur: Perlanggaran boom skylift dengan struktur sementara steel canopy dipercayai punca insiden runtuh di tapak projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Seksyen 8, Jalan MRR2 FT28 di Batu Caves, dekat sini semalam yang menyaksikan seorang wanita nyaris maut apabila keretanya dihempap runtuh struktur.

Boom skylift merujuk jentera atau platform kerja udara menggunakan 'lengan' berengsel untuk mengangkat pekerja atau peralatan binaan ke kawasan tinggi seperti kerja pembinaan, membaiki lampu jalan, penyelenggaraan bangunan dan pemasangan papan tanda.

Steel canopy merujuk struktur kanopi diperbuat daripada keluli, biasanya digunakan sebagai bumbung tambahan untuk memberi perlindungan daripada hujan, panas atau sebagai elemen seni bina.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.40 petang kelmarin, seorang wanita nyaris maut apabila kereta Suzuki Swift dipandunya dihempap struktur projek berkenaan. Mangsa berjaya dikeluarkan oleh orang awam dan dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad yang melawat lokasi kejadian semalam, berkata punca kejadian itu berdasarkan siasatan awal Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor.

Katanya, ketika kejadian, kerja pemeriksaan ketebalan cat oleh subkontraktor menyebabkan boom skylift terlanggar struktur perlindungan sementara, yang sememangnya tidak direka untuk menampung beban hentakan.

"Kerja berisiko tinggi itu dijalankan tanpa kebenaran bertulis (Permit Kerja) daripada kontraktor utama. JKKP sudah



Abdul Rahman melawat tapak insiden kemalangan di tapak projek ECRL di Batu Caves, semalam. (Foto BERNAMA)

mengeluarkan notis larangan kepada kontraktor utama di bawah Seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, melarang sebarang kerja pemeriksaan ketebalan cat

diteruskan sehingga satu sistem kerja selamat diwujudkan dan disahkan oleh syarikat itu," katanya pada sidang media.

Beliau turut mengarahkan siasatan terperinci diteruskan

bagi menentukan punca sebenar insiden serta memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap pihak yang gagal mematuhi keperluan keselamatan, manakala JKKP diarah menjalankan pemeriksaan keseluruhan jajaran ECRL yang berdekatan jalan raya bagi memastikan setiap kerja oleh kontraktor mematuhi peraturan sedia ada.

"Semua kontraktor perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024, termasuk memastikan pentaksiran risiko bermula sejak peringkat reka bentuk dan dilaksanakan secara berterusan sepanjang projek," katanya.

Mengenai mangsa, Abdul Rahman memaklumkan wanita berkenaan tidak mengalami sebarang kecederaan, namun dilaporkan trauma dan diberikan cuti sakit selama tiga hari.

Gig economy platforms must auto deduct PERKESO dues

KUALA LUMPUR: Platform providers in the gig economy are now mandated to automatically deduct PERKESO contributions from the earnings of gig workers as stipulated under the Gig Workers Bill.

Human Resources Minister Steven Sim (*pic*), who disclosed this, said the Bill which was passed by the Dewan Rakyat on Aug 28 and Dewan Negara on Sept 9, legally requires platforms providers to submit worker

information to PERKESO and integrate automatic contribution deductions through their digital systems.

"This Bill ensures gig workers are no longer left behind. Platform providers must automatically deduct PERKESO contributions through their digital intermediary systems so workers no longer have



to manage contributions on their own," he said in a written parliamentary reply yesterday.

Sim said the automated mechanism would also allow PERKESO to collect contributions "more transparently and effectively", without placing additional administrative burden on platform operators.

As of Sept 19, PERKESO recorded 297,073 gig workers actively contributing under the Lindung Kendiri scheme.

He said enforcement powers under the Self-Employment Social Security Act 2017 (Act 789) would now enable PERKESO to conduct inspections and ensure full compliance among platform providers.

To support nationwide implementation of the Bill, Sim said the ministry carried out 7,208 engage-

ment sessions with agencies and gig workers, including several large-scale rider events in Penang, Perlis and nationwide.

"A Smart Detection system has also been introduced to identify platforms that fail to register or contribute for their workers," Sim said.

"Gig workers are a vital part of Malaysia's new economy, and they deserve the same level of social protection as formal sector employees."

Pemandu skylift akan dipanggil untuk siasatan

JKKP mendapati struktur kanopi tidak direka untuk menampung beban hentakan

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN
GOMBAK

Perlanggaran Boom Skylift dengan struktur sementara kanopi keluli semasa kerja pemeriksaan ketebalan cat dipercayai menjadi punca runtuhan hingga menghempap sebuah kenderaan di tapak projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) pada Selasa.

Susulan itu, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan memanggil pemandu jentera skylift terlibat bagi mendapatkan penjelasan terperinci.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, langkah itu bagi memastikan setiap aspek keselamatan dipatuhi sepanjang operasi dijalankan.

"Pemandu skylift akan dipanggil untuk siasatan. Kita tidak mahu menuduh mana-mana pihak.

"Saya mahu adil dengan semua pihak. Sekiranya didapati bersalah, memang kita akan (mengenakan) denda, tetapi buat sementara ini saya tidak akan mengulas mengenai kesalahan tersebut," katanya.



Abdul Rahman meninjau lokasi runtuhan struktur binaan di tapak projek ECRL di MRR2, Gombak.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas lawatan kerja khas di tapak projek ECRL di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) FT28 arah Batu Caves di sini pada Rabu.

Terdahulu, Boom Skylift merujuk kepada jentera kerja menggunakan 'lengan' berengsel untuk mengangkat pekerja atau peralatan binaan ke lokasi tinggi seperti pembinaan, penyelenggaraan bangunan dan membaiki lampu jalan.

Menurut Abdul Rahman, siasatan awal JKKP juga mendapati struktur kanopi tidak direka untuk menampung beban hentakan.

"Selain itu, kerja berisiko tinggi ini dijalankan tanpa kebenaran bertulis (permit kerja) daripada kontraktor utama.

"JKR sudah mengarahkan baki struktur kanopi keluli masih ada di lokasi supaya dibuka serta-merta bagi mengelakkan risiko kejadian

berulang," ujarnya.

Menurut Abdul Rahman, semua kontraktor perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 terutama dalam memastikan pentaksiran risiko dilakukan seawal peringkat reka bentuk," katanya.

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai keadaan mangsa selepas kereta dipandunya dihempap runtuhan itu, Abdul Rahman berkata, pemandu wanita terbabit tidak mengalami kecederaan serius, namun mengalami trauma.

"Mangsa diberikan cuti sakit selama tiga hari. Keretanya pula disahkan mengalami 'total loss'.

"Perkara ini kita serahkan sepenuhnya kepada pihak insurans dan pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan lanjut," katanya.